

## ambatan rentasi Sungai Pahang ciri unik Seksyen 6 ECRL



Jambatan sepanjang 2.3 kilometer sedang dibina merentasi sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia iaitu Sungai Pahang. FOTO BERNAMA

Temerloh: Jambatan sepanjang 2.3 kilometer yang sedang dibina dan bakal merentasi sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia, Sungai Pahang adalah antara ciri unik di Seksyen Enam Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bermula dari Paya Besar, Kuantan ke Lanchang di sini.

Pihak China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) dan Pegawai Perhubungan Awam Seksyen Enam ECRL Satnam Singh berkata, pembinaan jambatan itu sudah bermula Mac lalu dan dijangka siap pada Disember 2023.

"Sebaik siap, jambatan yang bermula dari Kampung Tengah dan berakhir di Kampung Tanjung Batu itu akan membolehkan pengguna melihat sangkar ikan patin yang menjadi kebanggaan Temerloh.

Jambatan berketinggian 50 meter memandangkan kawasan tersebut sering dilanda banjir turut diambil kira dalam perancangan termasuklah yang terkini iaitu banjir

besar awal tahun ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kawasan pembinaan jambatan berkenaan di sini, hari ini.

Setakat ini, 95 orang pekerja mengejar masa bekerja dari 8 pagi hingga 8 malam untuk menyiapkan sebanyak kerja yang boleh, sebelum musim monsun bermula dan mengakibatkan kerja-kerja pembinaan tertangguh.

Satnam berkata, secara keseluruhan jambatan berkenaan terdiri daripada 538 asas cerucuk, 63 tiang dan dua penampan.

"Pembinaan asas cerucuk menggunakan teknik menggali lubang secara penggerudian berputar dan menuang konkrit dalam air, menggunakan empat gerudi penggerudian berputar, tiga kren bergerak dan dua jengkaut," katanya.

Menurutnya setakat ini, 60 peratus kerja-kerja pembinaan asas cerucuk sudah dijalankan.

Satnam berkata, aspek keselamatan diberi keutamaan bagi mengelak insiden yang tidak diingini berlaku, seperti lemas, justeru semua pekerja dikehendaki memakai jaket keselamatan sebagai tambahan kepada pakaian perlindungan diri (PPE) yang biasa dipakai pekerja pembinaan.

Sementara itu, Pengurus Kesihatan, Keselamatan dan Persekutaran CCC-ECRL Mejar (B) Mohd Salahuddin Yaakob berkata, semua pekerja mestilah lulus kursus keselamatan di Pusat Latihan Keselamatan syarikat itu di Kampung Paya Pasir dekat sini, sebelum dibenarkan bekerja di lapangan.

Terkini, seramai 2,500 pekerja sudah menjalani latihan itu yang dikendalikan oleh pengajar terlatih menggunakan modul yang diwajibkan oleh pihak berkuasa berkaitan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

**Disiarkan pada: November 11, 2021 @ 1:32pm**